NAMA : ................................................................ TINGKATAN : ...............

# MODUL PENINGKATAN PRESTASI MURID TINGKATAN 5

## TAHUN 2023

# PENDIDIKAN ISLAM

## KERTAS 1

**Dua jam tiga puluh minit**

JANGAN BUKA MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Tulis **nama** dan **tingkatan** anda pada ruangan yang disediakan.*
2. *Modul ini mengandungi **lima** soalan.*
3. *Jawab **semua** soalan.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis pada helaian kertas jawapan yang disediakan.*
5. *Serahkan **helaian kertas jawapan** anda kepada pengawas bertugas di akhir peperiksaan.*

| Untuk Kegunaan Pemeriksa | | |
|---|---|---|
| Soalan | Markah Penuh | Markah Diperoleh |
| 1 | 20 | |
| 2 | 20 | |
| 3 | 20 | |
| 4 | 20 | |
| 5 | 20 | |
| **Jumlah** | **100** | |



CS CamScanner

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm
Pendidikan Islam K1 Kedah 2023



***Jawab semua soalan.***

**1 (a) Firman Allah SWT:**

> يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنَّا خَلَقۡنَٰكُم مِّن ذَكَرٖ وَأُنثَىٰ وَجَعَلۡنَٰكُمۡ شُعُوبٗا وَقَبَآئِلَ
> لِتَعَارَفُوٓاْۚ إِنَّ أَكۡرَمَكُمۡ عِندَ ٱللَّهِ أَتۡقَىٰكُمۡۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٞ ١٣
>
> (Surah al-Hujurat : 13)

Ayat di atas menjelaskan tentang Allah SWT menjadikan manusia pelbagai bangsa dan berpuak-puak.

Berdasarkan ayat di atas,

(i) Nyatakan maksud perkataan bergaris. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan sebab turun ayat 13 surah *al-Hujurat*. [2 *markah*]

(iii) Terangkan kepentingan umat Islam dituntut untuk saling mengenali pelbagai bangsa dan kaum. [2 *markah*]

(iv) Terangkan **dua** pengajaran daripada ayat di atas. [4 *markah*]

**(b) Sabda Rasulullah SAW:**

> عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ :
> لَأَنْ يَحْتَطِبَ أَحَدُكُمْ حُزْمَةً عَلَى ظَهْرِهِ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ أَحَدًا
> فَيُعْطِيَهُ أَوْ يَمْنَعَهُ. (رواية البخاري)

Hadis di atas menjelaskan tentang kemuliaan berdikari dalam Islam.

Berdasarkan hadis di atas,

(i) Nyatakan maksud berdikari. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan konsep berdikari. [2 *markah*]

**Pekerja asing ramai sebab orang Malaysia malas?**

Prof Dr Mohd Nazari Ismail
Mei 10, 2019 07:14 MYT

(iii) Kemukakan pendapat anda berkaitan pernyataan di atas. [4 *markah*]

(c) Nyatakan **dua** jenis qalqalah. [2 *markah*]

2 (a) (i) Al-Muntaqim adalah satu daripada nama-nama Allah SWT. Nyatakan maksud al-Muntaqim. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** cara anda menanam rasa takut terhadap Allah SWT yang bersifat al-Muntaqim. [4 *markah*]

(iii) Mengapakah terdapat segelintir umat Islam masih melakukan perbuatan dosa dan maksiat sedangkan mengetahui Allah SWT bersifat al-Muntaqim. Huraikan. [4 *markah*]

(b) (i) Nyatakan takrif Ahli Sunnah Wal Jamaah. [2 *markah*]

(ii) Senaraikan **dua** nama lain bagi golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah. [2 *markah*]

(iii) Terangkan pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah mengenai kedudukan iman. [2 *markah*]

**Semua ajaran Syiah di Malaysia adalah menyeleweng - JAKIM**

Bernama
Disember 13, 2013 23:30 MYT

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
(JAKIM)

(iv) Cadangkan langkah untuk menangani ajaran di atas daripada terus menular dalam kalangan masyarakat Islam. [4 *markah*]

3 (a) Ibadat haji wajib dilaksanakan sekali seumur hidup bagi setiap individu yang mukallaf dan berkemampuan.

(i) Nyatakan maksud haji dari segi istilah. [2 *markah*]

(ii) Senaraikan **empat** rukun haji. [4 *markah*]

(iii) Jelaskan **dua** perbezaan antara haji dan umrah. [4 *markah*]

(b) (i) Syariat Islam membenarkan talak dan fasakh sebagai penyelesaian bagi pasangan yang mempunyai masalah dalam rumahtangga.
Apakah maksud fasakh? [2 *markah*]

(ii) Jelaskan situasi bagi hukum talak berikut: [4 *markah*]
a) Wajib.
b) Haram.




**Soalan**

Apakah hukumnya saya memohon perceraian sebab suami tidak solat. Dan saya nak failkan perceraian atas sebab tersebut.

(iii) Berdasarkan persoalan di atas, kemukakan hujah anda dengan mengaitkannya dengan isu penceraian dalam rumahtangga di Malaysia. [4 *markah*]

4 (a) Kerajaan Abbasiyah diperintah oleh 37 orang khalifah sepanjang 524 tahun tempoh pemerintahannya.

(i) Namakan khalifah yang mengasaskan Kerajaan Abbasiyah. [1 *markah*]

(ii) Nyatakan **tiga** sumbangan khalifah Harun al-Rasyid dalam membangunkan Kerajaan Abbasiyah. [3 *markah*]

(iii) Jelaskan peranan Baitul Hikmah pada zaman Kerajaan Abbasiyah. [2 *markah*]

(iv) Terangkan **dua** faktor kemerosotan Kerajaan Abbasiyah dari aspek politik. [4 *markah*]



CS CamScanner

(b) (i) Nyatakan secara ringkas riwayat hidup Ahmad bin Ibrahim. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** sumbangannya dalam bidang berikut: [4 *markah*]

a) Perundangan.

b) Hasil karya.

(iii) Terangkan **dua** iktibar yang dapat di ambil daripada ketokohan peribadinya. [4 *markah*]

5 (a) (i) Nyatakan **dua** aspek wasatiah selain kesederhanaan. [2 *markah*]

(ii) Terangkan **dua** kelebihan melaksanakan prinsip wasatiah. [4 *markah*]

(iii) Ramalkan kemungkinan yang akan berlaku sekiranya pelajar tidak mengamalkan prinsip wasatiah dalam kehidupan. [4 *markah*]

(b) (i) Nyatakan maksud alam sekitar. [2 *markah*]

(ii) Terangkan **dua** aktiviti amalan hijau yang boleh dilaksanakan untuk menjaga dan mengekalkan kelestarian alam sekitar. [4 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** hikmah adab menjaga alam sekitar. [4 *markah*]

**TAMAT**



CamScanner